

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
(PONTIAN)**

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Parlimen berhasrat untuk mengadakan Hari Terbuka Kementerian-Kementerian secara berkala di Bangunan Parlimen; menambah bilangan Jawatankuasa Pilihan Khas dan AJKnya diberi elaun dengan jumlah kecil tetapi munasabah dengan kekerapan jumlah mesyuarat yang sesuai.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Parlimen bersedia membantu Kementerian-Kementerian sedia ada untuk mengadakan Hari Terbuka secara berkala di Bangunan Parlimen atas kesediaan dan permohonan daripada Kementerian-Kementerian terlibat. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, kini terdapat 10 Jawatankuasa Pilihan Khas iaitu seperti berikut:

NO. SOALAN : 25

- i. Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-Hak di Bawah Perlembagaan
- ii. Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan Dan Ekonomi
- iii. Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan
- iv. Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Agensi-Agensi Di Bawah Jabatan Perdana Menteri
- v. Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian Dan Perdagangan Dalam Negeri
- vi. Jawatankuasa Pilihan Khas Pembangunan Infrastruktur
- vii. Jawatankuasa Pilihan Khas Pendidikan
- viii. Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita Dan Kanak-Kanak Dan Pembangunan Sosial
- ix. Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi
- x. Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa

Apa-apa cadangan termasuk untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas yang baharu dan pemberian elaun kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas bolehlah dibawa ke Jawatankuasa Dewan untuk diperhalusi dan diputuskan.

Sekian, terima kasih.